



HLMT DANA BERKAITAN-PELABURAN
Laporan Prestasi Dana
bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020



Kandungan

	Pages
Utusan Ketua Pegawai Eksekutif	1 - 2
Objektif Dana	3
Ulasan Pelaburan	
Dana HLMT i-Balanced	4 - 6
Dana HLMT i-Income	7 - 9
Dana HLMT i-Equity	10 - 12
My Steady 10 Plan	13 - 14
Pasaran Ekuiti dan Pendapatan Tetap	15 - 16
Tinjauan Pelaburan	17
Maklumat Kewangan	
Penyata Aset dan Liabiliti	18 - 21
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	22 - 23
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	24 - 25
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	26 - 34
Penyata Pengurus	35
Laporan Juruaudit Bebas	36 - 39



UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kepada Semua Pemegang Sijil yang Dihargai,

Sekali lagi, dengan sukacitanya kami membentangkan kepada anda Laporan Tahunan Dana Berkaitan Pelaburan HLMT bagi tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun 2020. Tahun ini merupakan tahun yang penuh cabaran untuk pasaran tempatan apabila berhadapan rintangan dari kedua-dua arah luaran dan dalam negeri.

Di peringkat global, kami melihat perubahan arah pendirian dasar bank pusat yang menjadikan normalisasi kadar secara bertahap sebagai satu tindakan yang lebih "dovish". Hubungan antara AS-China tetap tegang dengan masing-masing mengancam untuk mengenakan lebih banyak tarif ke atas barang terpilih yang menyebabkan pasaran berlegar naik dan turun. Pelabur juga resah dengan keimbangan terhadap kemelesetan apabila keluk hasil perbendaharaan AS menjadi songsang di samping kejadian kekacauan sosial yang besar di Hong Kong. Ketika prospek dijangka bertambah baik berikutan keputusan AS untuk menangguhkan kenaikan tarif pada 15 Disember dan menurunkan separuh daripada tarif September, pasaran mengalami penurunan mendadak berikutan penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia. Pelabur bimbang akan kesan buruk ekonomi terhadap pertumbuhan global apabila banyak negara melaksanakan sekatan pergerakan. Namun, kami menyaksikan kerajaan dan bank pusat di seluruh dunia melancarkan pakej rangsangan yang besar dengan pakej fiskal dan monetari yang secara puratanya kira-kira 13% daripada KDNK. Ini menghasilkan kecairan yang melimpah di pasaran global dan susulan itu, buat kali pertama setelah sekian lama, penyertaan runcit pelabur Malaysia menerjui pembelian saham-saham dengan penilaian yang rendah di pasaran sebelum pelabur institusi turut serta yang melonjakkan pasaran untuk pemulihan berbentuk V, sekurang-kurangnya untuk pasaran modal.

Di persekitaran dalam negeri, antara faktor negatif utama yang dialami dalam tempoh kewangan semasa termasuk sentimen perniagaan yang lemah, prospek pendapatan korporat yang tidak mengujakan, penilaian pasaran yang tidak menarik dan peningkatan risiko politik dalam negeri. Kerajaan gabungan Pakatan Harapan yang berpecah telah membawa kepada pembentukan kerajaan baru - Perikatan Nasional yang menyaksikan pelantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-8. Di tengah persekitaran ekonomi yang lemah ini, Bank Negara Malaysia menurunkan kadar dasar semalam sebanyak 100 bps secara keseluruhannya dalam tempoh kewangan di bawah semakan, ke paras 2%, yang merupakan tahap terendah sejak 2009.

Di sebalik semua pergolakan ini, kami di HLMT mengambil pendekatan untuk sentiasa memanfaatkan tempoh yang mencabar dan penyusutan pasaran untuk mempertingkatkan dan membina portfolio kami untuk jangka panjang. Strategi ini memastikan prestasi lebih baik dalam jangka panjang dan menyokong komitmen kami untuk membantu anda mencapai matlamat kewangan anda.

Akhir sekali, kami di HLMT ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan dan kepercayaan berterusan anda yang telah mendorong kami untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam mengembangkan produk patuh Syariah yang inovatif dan melayani pelanggan kami dengan penuh dedikasi. Kejayaan kami meraih semua anugerah, iaitu Cemerlang dalam Insurans dan Takaful 2020 pada acara Global Halal Excellence Awards (GHEA), Malaysia Excellence Business Awards (MEBA) 2019 dibawah kategori Perkhidmatan Takaful, Takaful Solution di The BrandLaureate World Halal Best Brand Award 2018, Anugerah Mesra Pengguna (kategori Insurans) 2017 daripada Lembaga Pelindung dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), dan Most outstanding Takaful product (i-Care Hasanah) di Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIFF) 2016 telah membuktikan komitmen kami kepada anda yang tidak mungkin berlaku tanpa sokongan anda.



Di samping itu, HLMT telah memulakan pelbagai Program Sokongan Bantuan Covid-19, termasuk Dwi-Faedah Khas Percuma yang menawarkan pendapatan bagi kemasukan ke hospital dan eluan Ihsan kepada pemegang sijil perubatan individu dan Peserta SSPNi-plus tanpa kos tambahan. Selain itu, kami juga menawarkan Program Bantuan Pembayaran Sumbangan kepada peserta yang terjejas untuk membantu meringankan beban kewangan mereka dan pada masa yang sama masih dilindungi di bawah pelan takaful kami dalam situasi yang sukar ini. Ini adalah cara kami untuk membuktikan komitmen kami terhadap kesejahteraan anda sepanjang wabak Covid-19 ini.

Kesimpulannya, saya ingin sekali lagi menyampaikan penghargaan tulus ikhlas saya kepada anda kerana terus mempercayai HLMT dan memilih kami sebagai pengendali takaful pilihan anda. Kami akan sentiasa berusaha meningkatkan mutu kecemerlangan dan komitmen kami dalam menyampaikan produk dan perkhidmatan terbaik untuk memperkaya kehidupan anda.

Mohd Asri Omar
Ketua Pegawai Eksekutif
Hong Leong MSIG Takaful Berhad



OBJEKTIF DANA

Dana HLMT i-Balanced bertujuan untuk mencapai pendapatan tetap serta pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang melalui pelbagai portfolio pelaburan patuh Syariah yang mengandungi ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap.

Dana HLMT i-Income bermatlamat memelihara modal serta mencapai aliran pendapatan tetap melalui portfolio pelaburan yang sebahagian besarnya merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan sebahagian kecil dalam sekuriti ekuiti patuh Syariah.

My Steady 10 Plan merupakan satu dana tertutup Pendapatan Tetap 10 Tahun yang patuh Syariah. Dana ini membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan dengan kadar indikatif sebanyak 44.20% dan jumlah modalnya dilindungi apabila matang pada akhir tempoh 10 tahun. Aset-aset utamanya adalah tertakluk kepada kadar Syariah.

Dana HLMT i-Equity bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal jangka panjang menerusi pelaburan patuh Syariah dalam sekuriti syarikat yang tersenarai.

ULASAN PELABURAN

DANA HLMT i-BALANCED


Untuk tahun kewangan di bawah semakan, hampir 43.80% daripada dana telah dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah dan 47.31% dilaburkan dalam bon Islam. Saham yang menyumbang kepada prestasi lebih baik termasuk Top Glove, Axis Reit dan Time Dotcom. Sentimen di pasaran ekuiti terus dikuasai oleh aliran berita hubungan perdagangan AS-China dan juga perkembangan Covid-19. Pemulihan ekonomi dijangka tidak sekata dan dalam negeri, pelabur akan terus memantau kesan buruk gelombang kedua Covid-19 serta kejayaan pembangunan vaksin.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.25% dikenakan kepada atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun kewangan ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun kewangan ini.

Pada 30 Jun 2020

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-BALANCED (SAMB.)

	Prestasi Dana				
	2020	2019	2018	2017	2016
Jumlah NAB (RM)	16,952	16,004	5,930	6,629	6,249
Bilangan unit	12,525	12,078	4,734	4,715	4,877
NAB seunit (RM)	1.3535	1.3251	1.2527	1.4059	1.2814
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.3704	1.3251	1.4772	1.4059	1.2814
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2092	1.2494	1.2523	1.2916	1.2410
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	2.14%	5.82%	-10.93%	9.75%	1.91%
Purata pulangan tahunan - Dana - 1 tahun - 3 tahun - 5 tahun	2.14% -1.26% 1.49%	5.82% 1.14% 1.65%	-10.93% -0.13% 1.25%	9.75% 4.81% 4.84%	1.91% 2.86% 3.31%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (50% FBM ESI + 50% SD) - 1 tahun - 3 tahun - 5 tahun	0.96% 0.42% 1.36%	1.77% 1.55% 0.49%	-1.44% 1.35% 1.37%	4.41% 0.72% 3.12%	0.79% 1.00% 2.74%

Nota 2

	Prestasi Dana		
Nota tambahan	2020	2019	2018
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	2.10%	2.95%	-0.82%
Purata pulangan tahunan - Dana - 1 tahun - 3 tahun - 5 tahun	2.10% 1.40% 2.70%	2.95% 3.61% 2.63%	-0.82% 2.82% 2.54%

Nota:

Pelarasan yang timbul daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FYE 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan ini hanyalah laporan buku untuk membetulkan perbezaan masa kemasukan tersebut. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah menurut Nota 2.

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-BALANCED (SAMB.)

	Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan				
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Deposit dengan institusi kewangan Islam	8.89	29.89	-	16.38	14.76
Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	43.80	34.79	52.66	43.41	22.94
Bon Islam tidak disebutharga	47.31	35.32	47.34	40.21	62.30
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

	Komposisi ekuiti mengikut sektor				
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Pembinaan	5.20	4.71	3.42	5.78	2.48
Barangan Pengguna	4.39	0.96	7.69	1.97	12.96
Kewangan	3.40	5.52	1.85	2.32	-
Barangan Industri	23.40	19.56	13.23	18.88	9.92
Infrastruktur	5.22	9.72	9.57	10.48	6.79
Pertanian	4.19	1.94	0.91	6.53	5.63
Hartanah	5.24	5.08	6.86	9.25	6.14
REITS	6.05	8.59	3.12	3.43	1.47
Teknologi	10.17	1.62	1.43	-	-
Perdagangan/Perkhidmatan	31.58	42.30	51.92	41.36	54.61
Utiliti	1.16	-	-	-	-
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

	Komposisi bon Islam tidak disebutharga mengikut sektor				
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Pembinaan	27.67	43.89	32.97	10.68	7.87
Kewangan	72.33	56.11	33.61	89.32	92.13
Kerajaan	-	-	33.42	-	-
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

ULASAN PELABURAN (SAMB.)


DANA HLMT i-INCOME

Untuk tahun kewangan di bawah semakan, Dana dilaburkan sepenuhnya ke dalam bon Islam yang memberikan hasil yang lebih tinggi berbanding dengan Deposit Tetap. Sebanyak 72.62% daripada Dana dilaburkan ke dalam Bon Islam Korporat sementara 27.38% dilaburkan ke dalam Aset Risiko Rendah.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.00% dikenakan kepada atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun kewangan ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun kewangan ini.

Pada 30 Jun 2020
Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-INCOME

	Prestasi Dana				
	2020	2019	2018	2017	2016
Jumlah NAB (RM)	4,593	3,842	3,270	3,407	3,268
Bilangan unit	2,810	2,479	2,338	2,257	2,261
NAB seunit (RM)	1.6347	1.5499	1.3986	1.5096	1.4454
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.6466	1.5499	1.5420	1.5099	1.4454
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.5433	1.4091	1.3983	1.4566	1.3810
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	5.47%	10.62%	-7.35%	4.47%	4.79%
Purata pulangan tahunan - Dana - 1 tahun	5.47%	10.62%	-7.35%	4.47%	4.79%
- 3 tahun	2.69%	2.30%	0.47%	5.06%	4.51%
- 5 tahun	3.46%	3.51%	2.01%	5.17%	4.83%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (50% FBM ESI + 50% SD)					
- 1 tahun	1.94%	2.59%	1.17%	3.48%	1.85%
- 3 tahun	1.90%	2.41%	2.36%	2.15%	1.99%
- 5 tahun	2.32%	2.04%	2.42%	3.13%	2.68%

Nota 2

	Prestasi Dana		
Nota tambahan	2020	2019	2018
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	5.99%	7.37%	3.08%
Purata pulangan tahunan - Dana - 1 tahun	5.99%	7.37%	3.08%
- 3 tahun	5.47%	4.68%	3.55%
- 5 tahun	4.79%	4.60%	3.45%

Nota:

Pelarasan yang timbul daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FYE 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan ini hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa kemasukan tersebut. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah menurut Nota 2.

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-INCOME

	Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan				
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Deposit dengan institusi kewangan Islam	-	-	-	-	11.72
Bon Islam tidak disebutharga	100.00	100.00	100.00	100.00	88.28
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

	Komposisi bon Islam tidak disebutharga mengikut sektor				
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Kewangan	40.38	38.62	39.83	60.9	70.27
Kerajaan	13.69	16.46	21.85	13.99	-
Agensi Kerajaan	13.68	16.53	13.73	-	16.28
Infrastruktur	17.75	22.22	24.59	25.11	-
Telekomunikasi	4.86	6.17	-	-	-
Pengangkutan	-	-	-	-	13.45
Utiliti	9.64	-	-	-	-
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-EQUITY


Untuk tahun di bawah semakan, Dana mengambil kesempatan daripada sesi pengambilan untung pada bulan Mac untuk meningkatkan wajaran ekuiti daripada sekitar 70.41% menjadi 86.18%. Dana tetap tertumpu pada indeks Syariah dengan saham teras dalam portfolio seperti Axis Reit, Top Glove dan Time Dotcom. Kami terus memilih saham yang menghasilkan dividen (dalam persekitaran kadar faedah rendah semasa) serta saham yang menawarkan prospek pendapatan yang berdaya tahan dalam persekitaran ekonomi yang mencabar ketika ini. Kami juga telah mengumpulkan beberapa saham struktur dengan perolehan yang lebih pasti ketika kami menantikan dunia kembali ke suasana pasca Covid-19.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.50% dikenakan kepada atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun kewangan ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun kewangan ini.

Pada 30 Jun 2020

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-EQUITY

	Prestasi Dana				
	2020	2019	2018	2017	2016
Jumlah NAB (RM)	28,930	27,895	16,062	15,264	12,763
Bilangan unit	24,420	23,260	14,096	12,631	11,315
NAB seunit (RM)	1.1847	1.1993	1.1395	1.2084	1.1280
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2183	1.1993	1.2805	1.2596	1.1280
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	0.9675	1.1090	1.1166	1.1414	1.1040
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	-1.22%	2.96%	-5.70%	7.13%	-1.83%
Purata pulangan tahunan - Dana - 1 tahun - 3 tahun - 5 tahun	-1.22% -0.66% 0.61%	2.96% 2.25% 0.50%	-5.70% -0.28% 1.06%	7.13% 0.77% n/a	-1.83% 1.43% n/a
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (50% FBM ESI + 50% SD) - 1 tahun - 3 tahun - 5 tahun	-0.13% -1.12% 0.33%	-1.43% -0.15% -1.46%	-4.02% 0.31% 0.32%	5.24% -0.61% n/a	-0.10% 0.00% n/a

Nota 2

	Prestasi Dana		
Nota tambahan	2020	2019	2018
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	-1.02%	2.96%	-5.43%
Purata pulangan tahunan - Dana - 1 tahun - 3 tahun - 5 tahun	-1.02% -1.22% 0.96%	2.96% 2.25% 0.50%	-5.43% 0.96% 1.48%

Nota:

Pelarasan yang timbul daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FYE 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan ini hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa kemasukan tersebut. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah menurut Nota 2.

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-EQUITY

	Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan				
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Deposit dengan institusi kewangan Islam	13.82	29.59	24.03	17.95	49.73
Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	86.18	70.41	75.97	82.05	50.27
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

	Komposisi ekuiti mengikut sektor				
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Pembinaan	5.47	5.63	4.09	8.80	2.31
Barangan Pengguna	4.30	1.46	5.74	1.11	3.03
Kewangan	3.36	6.18	2.67	2.33	0.38
Barangan Industri	22.73	16.55	11.77	16.87	7.52
Infrastruktur	5.52	10.02	9.47	6.08	11.46
Pertanian	3.98	2.16	2.38	2.53	13.79
Hartanah	5.18	4.95	7.84	7.19	4.00
REITS	6.22	7.90	2.75	2.11	-
Teknologi	10.40	2.75	2.99	5.25	3.86
Perdagangan/Perkhidmatan	31.70	42.40	50.30	47.73	53.65
Utiliti	1.14	-	-	-	-
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

ULASAN PELABURAN (SAMB.)


MY STEADY 10 PLAN

MY Steady 10 Plan, satu dana tertutup Pendapatan Tetap 10 Tahun yang mematuhi Syariah, membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan pada kadar indikatif sebanyak 44.20% dan modalnya dilindungi apabila matang pada akhir 10 tahun. Aset rujukan asas tertakluk kepada kadar Islam.

Tiada caj yang dikenakan ke atas dana ini sepanjang tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun kewangan ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun kewangan ini.

Pada 30 June 2020
Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



ULASAN PELABURAN (SAMB.)

MY STEADY 10 PLAN

	Prestasi Dana				
	2020	2019	2018	2017	2016
Jumlah NAB (RM)	4,278	4,133	3,959	3,816	3,677
Bilangan unit	2,915	2,915	2,915	2,915	2,915
NAB seunit (RM)	1.4677	1.4179	1.3582	1.3093	1.2614
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.4683	1.4179	1.3582	1.3093	1.2614
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.4227	1.3638	1.3126	1.1662	0.9340
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	3.16%	4.75%	3.74%	3.83%	6.59%
Purata pulangan tahunan - Dana - 1 tahun	3.16%	4.75%	3.74%	3.83%	6.59%
- 3 tahun	3.88%	4.10%	4.71%	5.34%	4.75%
- 5 tahun	4.41%	4.90%	4.36%	5.54%	4.75%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (50% FBM ESI + 50% SD)					
- 1 tahun	1.74%	2.43%	2.43%	3.27%	3.38%
- 3 tahun	2.20%	2.71%	3.02%	3.19%	3.25%
- 5 tahun	2.65%	2.88%	3.09%	3.23%	3.22%

	Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan				
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Pelaburan Berstruktur	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

Pasaran Ekuiti

Indeks Syariah FBM (1 July 2019 – 30 June 2020)



Pasaran tempatan untuk tempoh kewangan di bawah semakan (Julai 2019 hingga Jun 2020) dipengaruhi oleh pertumbuhan global yang lebih perlana yang mana sebahagiannya disebabkan oleh ketegangan AS-China, pendapatan korporat dalam negeri yang lemah berpunca daripada perubahan dasar yang berterusan oleh kerajaan Pakatan Harapan, pandemik Covid-19 dan pergolakan politik yang menyebabkan perubahan dalam kerajaan pada akhir Februari 2020. Alasan-alasan di atas telah menyumbang kepada aliran keluar asing yang berterusan (aliran keluar bersih terkumpul Jan-Jun 2020 berjumlah RM16.4b) dengan pemilikan asing mencecah tahap rendah 21% pada akhir Jun 2020.

Walau bagaimanapun, Syariah FBM bangkit semula dengan kukuh pada April 2020 berikutan tindakan pencarian saham berharga rendah oleh pelabur dalam negeri. Ini didorong oleh langkah-langkah rangsangan di kedua-dua pasaran tempatan dan global serta penurunan kadar dasar semalam (OPR) ke paras terendah yang telah mendorong pelabur untuk memilih aset dengan hasil yang lebih tinggi daripada pasaran ekuiti. Pasaran terus dikukuhkan dengan tindakan SC dan Bursa yang secara bersama mengumumkan penggantungan jualan singkat untuk para pelabur menemukan sedikit keselesaan dalam pasaran yang dijangka kurang turun naik. Semua ini telah membantu Bursa untuk mencatatkan nilai dagangan purata harian yang memberangsangkan sebanyak RM3.6 bilion sehari sejak sekatan pergerakan dilaksanakan. Penyertaan runcit juga meningkat kepada 37% pada Jun 2020 berbanding 24-25% pada tahun 2019.

Pengeluar sarung tangan Malaysia menerajui keadaan sukar ini apabila kedua-dua purata harga dan jumlah jualan terus mencapai tahap tertinggi baru. Pengeluar sarung tangan tempatan yang secara kolektif menyumbang ~ 65% bahagian pasaran global meningkatkan lagi rali mereka dengan menjadi antara syarikat terbesar dari segi permodalan pasaran di Bursa Malaysia. Di Indeks Syariah FBM, wajaran sektor sarung tangan kini ~ 15% pada akhir Jun 2020. Syarikat-syarikat yang bertumpu teknologi juga menyaksikan penilaian semula apabila bekerja dari rumah dan pembelajaran dalam talian menjadi norma baru, permintaan untuk membeli-belah/penghantaran makanan dalam talian semakin meningkat serta peningkatan penggunaan atau promosi pembayaran digital dan tanpa sentuhan.

Indeks Syariah menyusut sebanyak 0.77% semasa tempoh di bawah semakan untuk ditutup pada 13,439.53 mata.

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

Pasaran Pendapatan Tetap

Untuk tahun kewangan di bawah semakan, pasaran bon mengalami satu lagi tahun yang tidak menentu dan penuh kejutan. Sepanjang tahun ini, bank-bank pusat di seluruh dunia, diterajui oleh AS, menjadi semakin akomodatif dan pasaran tidak stabil menunggu penyataan dibuat oleh bank-bank pusat utama. Ketika pasaran menjangkakan akan dapat menarik nafas kelegaan berikut pengumuman perjanjian perdagangan Fasa 1 yang sangat dinanti-nantikan, dunia dilanda pandemik virus korona yang menyebabkan tiada negara yang terkecuali daripada krisis ekonomi mengakibatkan bank-bank pusat di seluruh dunia tergesa-gesa memotong kadar faedah dan melaksanakan program pelonggaran kuantitatif. Bulan Februari dan pertengahan Mac 2020 menjadi salah satu tempoh paling tidak stabil dalam sejarah apabila penularan virus korona mengakibatkan kecairan lumpuh dalam hampir semua kelas aset kecuali Perbendaharaan AS. Walau bagaimanapun, kesan tersebut tidak berpanjangan apabila pihak berkuasa di seluruh dunia memberikan sokongan besar yang tepat pada masanya dengan menawarkan sokongan kewangan dan fiskal yang belum pernah terjadi sebelum ini untuk mengurangkan kesan ekonomi yang teruk daripada krisis ekonomi yang berpunca daripada virus korona di negara masing-masing. Berlainan dengan sokongan monetari dalam krisis masa lalu, Fed mengejutkan pasaran dengan berikrar untuk melakukan apa sahaja yang diperlukan untuk menenangkan keadaan panik dalam pasaran kewangan. Ikrar tersebut bukan setakat untuk kertas gred pelaburan malah hingga ke pasaran hasil tinggi.

Tahun kewangan berakhir dengan suku yang suram ketika dunia sedang berjuang dengan gelombang kedua kesan pandemik terhadap ekonomi di seluruh dunia. Pergerakan besar dalam pasaran pendapatan tetap di seluruh dunia adalah disebabkan oleh berita mengenai peningkatan kes di ekonomi utama, diikuti dengan percubaan vaksin serta penutupan ekonomi secara mandatori untuk membendung penyebaran virus. Secara keseluruhannya, dunia mula menyedari bahawa persekitaran dengan kadar rendah bukan lagi sementara tetapi mungkin merupakan normal baharu yang harus ditempuhi oleh komuniti pelaburan.

Dinamik pasaran di pasaran tempatan tertumpu pada kemungkinan Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dikecualikan daripada Indeks Bon Kerajaan Sedunia FTSE Russell yang diikuti secara meluas serta pengurangan wajaran Malaysia dalam Indeks Bon Kerajaan-Pasaran Baru Muncul JP Morgan di samping perkembangan luaran yang disebutkan di atas. Berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini, negara ini turut dibebani masalah tambahan berpunca daripada penurunan harga minyak mentah dan ketidakpastian politik dalam negeri. Sepanjang tahun kewangan di bawah semakan, BNM telah mengurangkan OPR sebanyak 100 mata asas kepada 2% bagi memberikan sokongan yang diperlukan untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia di tengah-tengah penularan Covid-19 di seluruh dunia yang telah menyebabkan sekatan pergerakan ekonomi dilaksanakan. Dari segi fiskal, kami juga menyaksikan kerajaan melancarkan pakej rangsangan untuk membantu perniagaan dan rakyatnya mengharungi waktu sukar yang berpunca daripada penularan Covid-19 ini. Ketika kita menghampiri penghujung tahun kewangan, S&P Global Ratings telah menyemak semula tinjauannya terhadap kedaulatan Malaysia menjadi negatif untuk mencerminkan risiko penurunan tambahan terhadap metrik fiskal kerajaan berikutnya suasana ekonomi global yang lemah dan ketidakpastian dasar yang meningkat.

TINJAUAN PELABURAN

Ekuiti

Kami menjangkakan pasaran ekuiti global akan terus bergolak pada separuh tahun kedua 2020 disebabkan oleh ketidakpastian mengenai tahap pemulihan ekonomi global, dengan langkah-langkah penjarakan sosial yang lebih ketat dan sekatan pergerakan terpilih dilaksanakan semula berikutnya kebimbangan berlakunya gelombang kedua Covid-19. Ketegangan perdagangan AS-China (dan sekarang teknologi) akan terus menjadi titik tumpuan menjelang pilihan raya Presiden AS akan datang pada November 2020. Pasaran akan terus menumpukan pada kemampuan pemulihan pendapatan korporat kembali ke tahap pra-Covid 19, yang dijangka hanya akan berlaku pada tahun 2021.

Untuk tempoh kewangan yang akan datang, sektor yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan/kebersihan dan sektor teknologi mampu meneruskan momentumnya disokong oleh permintaan berterusan hasil daripada penularan Covid-19 serta pelancaran dan penggunaan infrastruktur 5G. Antara tema perdagangan utama lain yang berpotensi pada tahun kewangan baru juga akan merangkumi - 1) Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang mesti berlangsung pada atau sebelum 16 Sep 2023; namun Perdana Menteri (PM) semasa boleh meminta pembubaran Parlimen pada bila-bila masa sebelum tempoh lima tahun ini berakhir dan meminta diadakan pilihan raya. Lazimnya, sektor pembinaan cenderung berprestasi baik pra-pilihan raya kerana menjangkakan usaha-usaha penambahbaikan kerajaan, 2) saham dengan hasil dividen di persekitaran semasa dengan kadar faedah rendah (setelah asas pendapatan ditentukur kepada asas yang baru) dan 3) saham nilai boleh mula mengukuh sekiranya penilaian untuk saham pertumbuhan tetap tinggi dan juga menarik untuk aktiviti M&A yang berpotensi.

Pendapatan Tetap

Dengan perkembangan terkini pandemik Covid-19, kami menjangkakan kelembapan ekonomi akan berterusan kerana pandemik global menyebabkan pembukaan semula ekonomi utama tertunda lebih lama. Di seluruh dunia, kita akan mula melihat angka ekonomi dan gelombang pendapatan korporat terburuk dalam beberapa dekad. Sebarang kejutan negatif dijangka akan mengembalikan kemeruapan pasaran. Walaupun begitu, kejutan positif diharap boleh mendorong aliran keluar daripada pelaburan selamat kepada pelaburan aset yang lebih berisiko.

Di peringkat tempatan, sejak rangka kerja kadar faedah semasa diperkenalkan pada tahun 2004, OPR kini berada pada tahap terendah setelah penurunan baru-baru ini pada bulan Julai 2020 sebanyak 25 mata asas menjadi 1.75%, lebih rendah daripada paras 2% yang dicatatkan semasa krisis kewangan global pada tahun 2009. Kami menjangkakan bahawa OPR mungkin akan kekal sementara pada tahap semasa dan jika tidak, pengurangan maksimum sebanyak 25 mata asas mungkin dibuat pada bulan September 2020. Selepas itu, BNM mungkin akan menormalkan dasarnya pada FY2021. Ini dengan andaian bahawa tidak ada gelombang kedua penularan Covid-19 di Malaysia. Walaupun begitu, kami menjangkakan bahawa pasaran akan terus bergolak kerana pasaran didorong oleh peristiwa dan data. Terdapat ada 2 peristiwa besar yang harus diperhatikan untuk tahun ini, tinjauan tahunan FTSE Russell dan pilihan raya presiden AS. Dengan tinjauan sebegini, kami mengutamakan pelaburan dalam PDS jangka pendek utama dan berdagang dalam sekuriti kerajaan untuk peningkatan hasil.



MAKLUMAT KEWANGAN

PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 30 JUN 2020

	Nota	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	HLMT i-Equity RM	My Steady 10 Plan RM
ASET					
Pelaburan:					
Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	4	7,050,780	-	24,241,815	-
Bon Islam tidak disebutharga	4	7,614,295	4,166,978	-	-
Pelaburan berstruktur	4	-	-	-	4,466,139
Keuntungan terakru		68,375	44,470	-	-
Jumlah pelaburan		14,733,450	4,211,448	24,241,815	4,466,139
Lain-lain aset:					
Aset cukai tertunda		-	-	69,865	-
Pelaburan belum terima		10,176	-	35,619	-
Lain-lain belum terima		85,610	250	218,466	-
Tunai dan kesetaraan tunai		2,177,659	434,399	4,473,470	-
Jumlah lain-lain aset		2,273,445	434,649	4,797,420	-
JUMLAH ASET		17,006,895	4,646,097	29,039,235	4,466,139



**PENYATA ASET DAN LIABILITI
PADA 30 JUN 2020 (SAMB.)**

	Nota	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	HLMT i-Equity RM	My Steady 10 Plan RM
LIABILITI					
Amaun yang kena dibayar kepada Pengurus		18,536	4,015	38,190	-
Liabiliti cukai tertunda		6,968	20,282	-	108,171
Peruntukan bagi cukai		29,097	24,286	38,846	13,854
Lain-lain belum bayar		-	4,305	31,849	66,535
JUMLAH LIABILITI		54,601	52,888	108,885	188,560
ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL					
DIWAKILI OLEH					
Nilai unit		18,631,379	3,346,952	30,203,307	3,074,015
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan		(1,679,085)	1,246,257	(1,272,957)	1,203,564
		16,952,294	4,593,209	28,930,350	4,277,579
Bilangan unit dalam pengiraan		12,524,779	2,809,748	24,419,859	2,914,576
Nilai aset bersih hak pemegang sijil per unit		1.3535	1.6347	1.1847	1.4677

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini

PENYATA ASET DAN LIABILITI
PADA 30 JUN 2019

Nota	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	HLMT i-Equity RM	My Steady 10 Plan RM
ASET				
Pelaburan:				
Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	5,298,697	-	19,123,297	-
Bon Islam tidak disebutharga	5,379,676	3,301,306	-	-
Pelaburan berstruktur	-	-	-	4,308,593
Keuntungan terakru	55,639	49,534	2,182	-
Deposit dengan institusi kewangan Islam	4,552,015	-	8,035,188	-
Jumlah pelaburan	15,286,027	3,350,840	27,160,667	4,308,593
Lain-lain aset:				
Cukai boleh diperolehi semula	-	-	26,582	-
Amaun daripada pengurus	10,996	341	57,280	-
Pelaburan belum terima	8,162	-	30,692	-
Lain-lain belum terima	514	250	3,066	-
Tunai dan kesetaraan tunai	740,556	513,071	688,951	-
Jumlah lain-lain aset	760,228	513,662	806,571	-
JUMLAH ASET	16,046,255	3,864,502	27,967,238	4,308,593



**PENYATA ASET DAN LIABILITI
PADA 30 JUN 2019 (SAMB.)**

	Nota	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	HLMT i-Equity RM	My Steady 10 Plan RM
LIABILITI					
Amaun yang kena dibayar kepada Pengurus		15,180	2,912	31,404	-
Liabiliti cukai tertunda		16,564	12,390	41,311	95,568
Peruntukan bagi cukai		10,199	7,568	-	13,869
Lain-lain belum bayar		-	-	-	66,534
JUMLAH LIABILITI		41,943	22,870	72,715	175,971
ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL					
		16,004,312	3,841,632	27,894,523	4,132,622
DIWAKILI OLEH					
Nilai unit		17,921,598	2,736,158	28,256,269	3,074,015
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan		(1,917,286)	1,105,474	(361,746)	1,058,607
		16,004,312	3,841,632	27,894,523	4,132,622
Bilangan unit dalam pengiraan		12,077,512	2,478,596	23,259,533	2,914,576
Nilai aset bersih hak pemegang sijil per unit		1.3251	1.5499	1.1993	1.4179

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2020**

	Nota	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	HLMT i-Equity RM	My Steady 10 Plan RM
Pendapatan pelaburan:					
Keuntungan pelaburan		368,025	170,237	156,747	-
Pendapatan dividen		200,653	-	699,493	-
Keuntungan direalisasi bersih atas penjualan pelaburan		364,384	22,500	1,451,073	-
Keuntungan modal atas pelaburan belum direalisasi		223,452	98,648	108,237	157,546
Jumlah pendapatan		1,156,514	291,385	2,415,550	157,546
Kerugian direalisasi bersih atas penjualan pelaburan		(226,202)	(3,975)	(769,663)	-
Kerugian modal atas pelaburan belum direalisasi		(343,398)	-	(1,497,939)	-
Yuran pengurusan pelaburan		(202,194)	(42,480)	(412,925)	-
Lain-lain perbelanjaan		(137,217)	(79,538)	(691,981)	-
